

PSH bantu lahir pemimpin berilmu

Komentor



**Dr Mohd Rashid
Ab Hamid**

Pengurus Besar (Akademik) UMP
Advanced Education dan Pensyarah Kanan
di Fakulti Pengurusan Industri, Universiti
Malaysia Pahang

*BERTAS HARIAN (PENYUJUKAN)
24 NOV 2016 M/S 22*

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Tinggi semakin membuahkan hasil.

PSH yang kini mendapat tempat dalam kalangan warga kerja sektor industri tertentu, menunjukkan masyarakat mendambakan ilmu yang diperolehi melalui sesi kuliah atau kursus yang ditawarkan oleh agensi pendidikan.

Ia menjadi satu daripada lonjakan seperti digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia-Pengajian Tinggi (PPPM-PT).

Permintaan terhadap program berorientasi industri dan berasaskan keperluan semasa sentiasa ditunggu pelbagai pihak bagi meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan daya saing bagi kemajuan kerjaya.

Justeru, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui UMP-Advanced Education (UAE) menawarkan program akademik secara eksekutif kepada golongan bekerja. Malah, pada Konvokesyen Ke-11 UMP minggu lalu, seramai 319 orang graduan PSH UAE pelbagai bidang, turut menerima skrol masing-masing.

Antaranya, Ahli Parlimen Li-

pis, Datuk Abdul Rahman Mohamad; Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Jamaludin Abdul Rahim @ Abd Rahim serta Pengarah Eksekutif HTE Holdings Sdn Bhd, Datuk Hang Tuah Din @ Mohamed Din.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Juta Sdn Bhd, Datuk Abdul Khalib Abdullah; Pengarah Urusan Skybo Resources Sdn Bhd, Datu Syed Burhanuddin Syed Abdul Wahab serta isteri, Datin Rohaizan Zainudin yang menerima Ijazah Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek Integrasi Pembinaan.

Penuhi permintaan

Program yang ditawarkan secara profesional itu direka khusus atas permintaan industri yang secara langsung memberikan impak kepada usaha murni kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi bagi melahirkan rakyat berilmu pengetahuan.

Usaha itu lebih berjaya apabila pemimpin masyarakat menjadikan PSH sebagai laluan bagi mereka mendapatkan ilmu dan pensijilan daripada institusi pengajian tinggi.

Berdasarkan nama dan to-

koh yang disebutkan di atas, tentulah mereka sudah mencapai status sosial yang tinggi dalam masyarakat, namun kepentingan dan keberkatan menuntut ilmu memberi inspirasi untuk mereka menamatkan pengajian dengan jayanya.

Di sebalik kelulusan dalam program yang diikuti, pemimpin masyarakat seperti mereka pastinya menjadi contoh terbaik dalam usaha melahirkan pemimpin yang peka mengenai pentingnya ilmu dalam mengurus, mentadbir dan memimpin masyarakat, negeri mahu pun negara.

Dalam kesibukan menjalankan tugas hakiki sebagai pemimpin, ruang masa perlu diperuntukkan bagi menelaah atau membuat tugas yang diberi.

Boleh diteladani rakyat

Usaha pemimpin yang memberikan contoh seperti itu boleh dijadikan panduan dan ikutan golongan belia atau sesiapa sahaja yang ingin menyambung pelajaran, tetapi masih tidak berbuat demikian atas faktor masa atau kesibukan harian.

Usaha pemimpin untuk menimba ilmu secara berterusan sudah tentu boleh diteladani

rakyat. Pemimpin berilmu mampu memimpin dengan baik, malah sentiasa berusaha meningkatkan kecemerlangan dari semasa ke semasa. Ia perlu kerana cabaran pemimpin masa kini yang perlu responsif terhadap keperluan massa.

Adalah diharapkan lebih ramai lagi pemimpin masyarakat berusaha ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan tanpa mengira penat-lelah dalam membahagikan masa untuk tugas rasmi, keluarga dan hal ehwal masyarakat.

Semangat, iltizam dan daya juang yang tinggi membolehkan apa juga cabaran dan rintangan dalam menyambung pengajian dapat ditempuh dengan jayanya.

Dalam zaman yang cepat berubah dan dinamik seperti hari ini, pemimpin perlu lebih bersedia dan terkehadapan dalam banyak hal agar tidak ketinggalan dalam arus perkembangan semasa.

Laluan PSH secara profesional memberi peluang kepada golongan bekerja untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi tanpa mengira usia atau faktor lokasi. Apapun, yang lebih penting adalah niat kita sebagai manusia dalam mencari keredaan Allah.